

UMS dianugerah Sijil Pematuhan SAGA

Pengiktirafan kejayaan UMS dalam memenuhi standard pengurusan kewangan berasaskan GRP 9.0
UB 01.12.2024 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih pengiktirafan terhadap aspek pematuhan sistem perakaunan standard dalam pengurusan kewangannya apabila dianugerahkan Sijil Pematuhan Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA) oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Penghargaan itu disampaikan oleh Akauntan Negara Malaysia, Nor Yati Ahmad kepada Bendahari UMS, Badrul Hisham Ismail, yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor dalam Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA (MASS) Tahun 2024 yang berlangsung Wyndham Acmar Hotel, Klang baru-baru ini.

Anugerah itu merupakan pengiktirafan kejayaan UMS dalam memenuhi standard pengurusan kewangan berasaskan Government Resource Planning (GRP



ALBUM: Badrul (empat kanan) selepas menerima anugerah itu.

9.0) yang dikendalikan oleh vendor yang dilantik dan diintegrasikan dengan pelbagai subsistem kewangan dalaman universiti melalui kerjasama antara Jabatan Digital dan Jabatan Bendahari UMS.

Menurut Badrul, kejayaan itu hasil usaha bersama seluruh pasukan yang bekerja keras memastikan pematuhan kepada 12 kriteria fungsian dan 8 kriteria teknikal yang digariskan dalam Surat

Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2018.

“Alhamdulillah, anugerah ini membuktikan komitmen UMS untuk mengekalkan pengurusan kewangan yang

telus, berintegriti, dan sistematik.

“Ini juga memperkukuh usaha kami untuk mengurangkan kesilapan serta memastikan penyata kewangan dapat disediakan dengan tepat dan terkini,” katanya.

Tambah beliau, pematuhan kepada piawaian tinggi tersebut diyakini dapat mempertingkatkan keberkesanan pengurusan sumber kewangan UMS, sekali gus menyokong objektif universiti sebagai institusi pengajian tinggi yang cemerlang.

“Semoga pengiktirafan ini menjadi pemacu kepada UMS untuk terus melangkah ke hadapan dengan lebih telus dan berkesan dalam pengurusan kewangan,” katanya.

Majlis anugerah itu turut menyaksikan penyertaan pelbagai agensi kerajaan yang diktiraf atas kejayaan masing-masing dalam mengukuhkan pengurusan kewangan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh JANM.